

E-BULETIN  
EDISI  
2023



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Rembau



e-BULETIN  
2023

FAKULTI  
PENGURUSAN  
& PERNIAGAAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN  
KAMPUS REMBAU



# CAKNA DEMI MENGELOK KECURIAN DATA PERIBADI

## **GUNA KATA LALUAN BERBEZA**

Gunakan kata laluan yang berbeza untuk setiap akaun atas talian yang anda miliki. Sukar untuk mengingati kata laluan yang banyak, tetapi anda terpaksa melakukannya demi keselamatan data peribadi anda

## **KERAP TUKAR KATA LALUAN**

Mahu atau tidak, cadangan untuk menukar kata laluan dengan kerap sekurang-kurangnya 3 bulan sekali dapat membantu melindungi akaun dan data peribadi anda

## **PERIKSA URL**

Periksa URL dan laman web sesawang yang anda gunakan adalah bermula dengan https://

## **SEMAK NAMA DOMAIN**

Semak nama domain dan kenalpasti sebarang kesalahan ejaan. Contohnya laman web asli <https://www.maybank2u.com> mungkin adalah laman web palsu yang direka dengan nama domain palsu [www.may2u.com](http://www.may2u.com)

## **DAFTAR KELUAR**

Daftar keluar dari akaun anda setiap kali menggunakan komputer atau gajet awam.

## **KAWAL PENGGUNAAN DATA PERIBADI**

Jangan memberi data peribadi anda seperti nombor kad pengenalan dan nombor telefon untuk sebarang promosi dan hadiah percuma kecuali selepas berhubung dengan wakil sah syarikat berdaftar tersebut

## **BACA POLISI PRIVASI**

Baca polisi privasi sebelum memuat turun sebarang aplikasi di telefon bimbit


## **KENDALI DATA KAD DEBIT DAN KAD KREDIT**

Jangan simpan butiran data kad debit atau kad kredit anda ketika membeli belah secara atas talian

*Faddliza Mohd Zaki*

*Pengajian Sains Maklumat,  
Kolej Pengajian  
Pengkomputeran, Informatik  
dan Media*

*UiTM Cawangan Negeri  
Sembilan Kampus Rembau*



## Rujukan

Dropbox. (2023). Cara untuk Melindungi Maklumat Peribadi dalam Talian.  
<https://experience.dropbox.com/ms-my/resources/protecting-personal-info-online>

LinkedIn. (2022). Mencegah Kecurian Identiti.  
<https://www.linkedin.com/help/linkedin/answer/a1335464/mencegah-kecurian-identiti?lang=ms>

Pusat Ekonomi Digital. (2023). Tips Mengelakkan Kecurian Data Peribadi.  
<http://kgkualaselama.pjk.com.my/index.php/35-warga-pi1m/1100-tips-mengelakkan-kecurian-data-peribadi>